



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

AHAD / 10 MAC 2019

- 1. BAYARAN BALIK USAHAWAN**
 - KOSMO

- 2. BILANGAN USAHAWAN 'CULAS' BAYAR PINJAM TEKUN**
 - UTUSAN MALAYSIA

- 3. MASALAH 400 PETANI DI BESUT BAKAL DIATASI**
 - UTUSAN MALAYSIA

- 4. 'TIMBER' FOR KEDAH GOVT FINANCES**
 - THE STAR

DISEDIAKAN OLEH :
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)

KERATAN AKHBAR : KOSMO

TARIKH : 10 MAC 2019

PERKARA : PERTANIAN



DR. MAHATHIR (tengah) bersalaman bersama rakyat Malaysia yang menetap di Filipina selepas mengakhiri lawatan tiga hari di negara itu semalam.

Bayaran balik usahawan Tekun meningkat

TANAH MERAH - Bayaran balik usahawan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (Tekun Nasional) meningkat selepas mekanisme baharu diperkenalkan.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd. Redzuan Yusof berkata, antara langkah yang diperkenalkan ialah membuat pemantauan terhadap usahawan yang meminjam dengan agensi berkenaan.

"Dahulu kami luluskan pinjaman kepada usahawan tanpa memantau aktiviti yang mereka lakukan sehingga menyebabkan usahawan menyalah guna pinjaman yang diberikan untuk kegunaan peribadi seperti membeli motosikal dan sebagainya.

"Namun, selepas Pakatan

Harapan mengambil alih kerajaan, kami memantau perkembangan usahawan dari semasa ke semasa. Kalau nampak mereka cuba nak 'lari' (tidak menjalankan perniagaan), kami akan panggil dan latih mereka kembali," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Usahawan Tekun Peringkat Negeri Kelantan di Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah 1 di sini semalam.

Hadir sama Pengerusi Tekun Nasional, Datuk Seri Mohamad Suparadi Md. Noor

Mohd. Redzuan berkata, Kelantan merupakan negeri kelima dari segi peminjam paling ramai, namun berada di kedudukan pertama dalam pembayaran balik pinjaman di negara ini.

KOSMO 10.3.19.

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 10 MAC 2019

PERKARA : PERTANIAN

Bilangan usahawan 'culas' bayar pinjaman TEKUN

TANAH MERAH 9 Mac - Bilangan peminjam di seluruh negara yang culas membuat bayaran balik kepada Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional semakin berkurangan, dengan Kelantan mencatat prestasi terbaik selepas agensi itu melaksanakan penjadualan semula pinjaman sejak Ogos lalu.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd. Redzuan Yusof berkata, penjadualan semula pinjaman dilaksanakan selepas pihaknya mendapati kebanyakan usahawan TEKUN di seluruh negara tidak mampu membayar balik pinjaman mengikut perjanjian asal.

Katanya, langkah itu ternyata memberi impak positif apabila kadar bayaran balik pinjaman oleh usahawan semakin baik, iaitu meningkat sehingga 20 peratus dengan Kelantan mencatat hanya

sekitar tujuh peratus peminjam yang gagal membayar balik.

“Melalui penjadualan semula ini, tempoh pinjaman usahawan yang menghadapi masalah dalam perniagaan dipanjangkan supaya mereka dapat membuat bayaran bulanan dengan kadar lebih rendah.

“Walaupun bilangan peminjam di Kelantan adalah kelima tertinggi, dari segi pulangan balik negeri ini nombor satu terbaik kerana hanya merekodkan sekitar lima hingga tujuh peratus

mereka yang tidak membayar balik,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Usahawan TEKUN Peringkat Negeri Kelantan yang berlangsung selama tiga hari sejak Khamis lalu di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tanah Merah 1, di sini hari ini.



MOHD. REDZUAN YUSOF

Um 10.3.19.

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 10 MAC 2019

PERKARA : PERTANIAN

68 DALAM NEGERI

Um 10.3.19.

Masalah 400 petani di Besut bakal diatasi

BESUT 9 Mac - Projek menaik taraf sistem pengairan Skim Pengairan Pelagat yang melibatkan tiga sebut harga bernilai kira-kira RM5 juta bakal menyelesaikan masalah lebih 400 petani yang mengusahakan padi di kawasan seluas 711 hektar di sini.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd. Sallehuddin Hassan berkata, sebanyak RM3 juta akan diperuntukkan bagi mengatasi masalah tali air rosak sepanjang enam kilometer (km) di samping menaik taraf saluran sepanjang 10 km dan jalan ladang sepanjang empat km.

Katanya, projek itu telah dilaksanakan tiga tahun lalu di tali air Point C dengan meng-

gunakan peruntukan berjumlah RM1.5 juta.

“Dalam tempoh setahun apabila siapnya projek menaik taraf ini, pesawah di kawasan Skim Pengairan Pelagat ini dijangka akan dapat menjalankan tanaman padi tanpa masalah gangguan bekalan air lagi.

“Sebagai penyelesaian segera untuk mengatasi masalah bekalan air pengairan, satu pam bergerak berkapasiti 140 liter per saat dari parit air buang telah dipasang dan diletakkan di Kampung Gong Penaga tiga hari lalu,” katanya kepada pemberita selepas meninjau permasalahan pesawah di Skim Pengairan Pelagat, dekat sini hari ini.



MOHD. SALLEHUDDIN HASSAN (tengah) diberi penerangan mengenai kawasan Skim Pengairan Pelagat ketika meninjau masalah pesawah di Kampung Gong Penaga di Besut, Terengganu, semalam.

'Timber' for Kedah govt finances

State economy in contraction with revocation of logging permits

By ARNOLD LOH
arnold.loh@thestar.com.my

ALOR SETAR: While the Ulu Muda Forest Reserve – the water catchment area for three states – is now safe from chainsaws, the reality of a shrinking state economy is just beginning to sink in.

The Kedah government has relied on logging premiums for too many years, with timber industry revenue making up a massive chunk of the state's gross domestic product (GDP).

The state's economy is losing out on almost RM100mil a month without Ulu Muda's timber with the Kedah government shorter by at least RM40mil each year in the absence of logging premiums.

State Environment and Climate Change Committee chairman Simon Ooi said the Kedah government was aware of the dropping GDP, adding that a taskforce to thrash out the economic costs of protecting Ulu Muda would meet next week.

"There is no questioning our commitment to protect Ulu Muda but Kedah needs to look into its eco-

nomic growth, too.

"Discussions with the federal government for financial reimbursement in exchange for not tapping into Ulu Muda's timber resources have not been concluded," he said.

The Kedah Loggers Association claimed that the state was losing almost RM100mil a month in timber sales since the revocation of logging permits in Ulu Muda.

Its president Amin Mokhtar said the loss of income for timber-related businesses and the workforce added up to almost RM3.2bil a year.

However, he said logging companies were willing to work with the state government to pursue new economic growth areas for the state.

"Loggers and timber-related business owners have been one of Kedah's largest economic contributors and we are ready to pitch in and help the state identify new sources of wealth," he said.

Although it is among the poorest states in Malaysia, Kedah boasts about 300,000ha of mostly virgin jungle, more than half of which forms Ulu Muda. For decades, the state allows between 3,000ha and



Source of wealth: Amin showing the Muda Dam catchment area.

12,000ha a year for logging.

In 2011, the PAS-led government approved 12,909ha for logging, raking in RM74.92mil in forest premiums that year.

The association, said Amin, was looking forward to the prospect of federal government compensating Kedah.

"We need people to know how

much our state is sacrificing.

"Our plains are reserved for padi planting for food security, and now, our jungle resources are sacrificed for water security.

"The strain is overwhelming for Kedah. We keep stunting our economic development for the sake of other states," he added.

Last September, Land, Water and

Natural Resources Minister Dr Xavier Jayakumar announced that the Kedah government had revoked all Ulu Muda logging permits.

Amin said the loggers had obeyed the directive to cease logging in Ulu Muda, adding that they were now waiting for a discussion with the authorities on the future of logging in the state.